

Kesan fenomena El Nino boleh bawa strok haba, dehidrasi

Enam kawasan capai paras gelombang haba

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL dan SHEILA RANI CHANDRASEKARAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MAC

ENAM kawasan di seluruh negara dilaporkan mencapai atau melebihi paras gelombang haba sejak semalam, kesan daripada fenomena El Nino.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau berkata, enam kawasan tersebut ialah Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Ipoh dan Lubuk Merbau, Perak; dan Batu Embun dan Temerloh, Pahang.

"El Nino merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan strok haba dan dehidrasi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Madius berkata, petunjuk bagi paras ambang gelombang haba ialah suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat telah mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan telah melebihi dua darjah Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum.

Jelasnya, selain itu, suhu tertinggi harian bagi tempat tersebut juga telah mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut.

"Oleh itu, dalam keadaan cuaca panas dan kering ini, orang ramai dinasihatkan supaya menghadkan aktiviti luar terutamanya bagi war-



El Nino merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun."

MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Bacaan suhu 17 Mac 2016



Chuping	37°C
Alor Setar	37°C
Ipoh	36°C
Lubuk Merbau	37°C
Batu Embun	35°C
Temerloh	35°C



*Suhu normal ialah 32-33°C

ga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas.

"Mereka juga dinasihatkan untuk meminum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan sekiranya mengalami masalah strok haba," katanya.

Sementara itu, Madius dalam sidang akhbar dalam Majlis Penyerahan Kit Rumah Program Komuniti Bebas Denggi (KBD) berkata, fenomena Ekuinoks akan berlaku

pada 20 Mac dan 22 September ini.


"Tenaga bahang matahari yang diterima semasa ekuinoks adalah lebih tinggi kerana sudut pancaran matahari yang tepat. Justeru, ia akan menyebabkan bulan Mac dan April lebih panas berbanding dengan bulan lain.

"Namun ini bukan punca utama kepada keadaan cuaca panas dan kering yang dialami sekarang. Ia cuma menjadi faktor penambah kepada kepanasan sedia ada yang wujud disebabkan oleh keragaman iklim El Nino," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai cadangan penubuhan jawatankuasa khas bagi merangka pelan tindakan untuk menghadapi cuaca panas dan kering negara ketika ini, Madius berkata, taklimat lanjut berkaitan perkara itu hanya akan diperoleh selepas dibentangkan ke Kabinet esok.

Katanya, Kabinet juga akan memutuskan sama ada jawatankuasa itu akan diterajui oleh kementeriannya atau kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

"Pada masa ini, persediaan sedang dilakukan untuk dibentangkan di Kabinet dan kita akan dapat panduan selepas proses itu," katanya.



TAKUNGAN air di Empangan Teluk Bahang, Georgetown, Pulau Pinang, semalam semakin susut berikutan cuaca panas dan kering yang diburukkan oleh fenomena El Nino melanda di negara ini. - BERNAMA